



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1987) 1988
DR.6/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus lima belas juta sembilan ratus lima puluh lima ribu lima ratus sepuluh ringgit (\$315,955,510) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1987, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1987.
Akta A654.
Akta A676.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ..	Parlimen	\$ 527,100
B. 4 ..	Suruhanjaya Pilihanraya	2,824,000
B. 6 ..	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	94,600
B. 7 ..	Jabatan Perdana Menteri	47,003,900
B. 8 ..	Jabatan Perkhidmatan Awam ..	31,500,000
B. 16 ..	Jabatan Perkhidmatan Bomba ..	3,209,200
B. 19 ..	Kementerian Pertanian	9,125,420
B. 22 ..	Muzium Negara	49,290
B. 29 ..	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	100,500,000
B. 30 ..	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	35,980,100
B. 36 ..	Polis Diraja Malaysia	21,500,000
B. 54 ..	Kementerian Kebajikan Masyarakat	1,100,000
B. 57 ..	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	33,982,000
B. 59 ..	Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan	28,559,900
JUMLAH ..		<u>\$315,955,510</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1987 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987.

[PN. (U²) 1473.]